

SOALAN NO: 537

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaikkan kadar "RETIREMENT BENEFITS" yang termaktub dalam Akta Kerja 1955.

PR-1331-T66916

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) tiada termaktud *retirement benefits* tetapi ada menyebut berkenaan *retrenchment benefit*.
2. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sedang membuat kajian *holistic* pada Akta Kerja 1955 (Akta

265) untuk pindaan termasuk perkara yang berhubung dengan bayaran penamatan kerja di bawah Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980.